

Latarbelakang Kata-Kata Pinjaman Bahasa Asing di dalam Bahasa Tamil

Pushpa Rani Subramani Selvan &
Mohana Dass Ramasamy
Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya

Abstrak

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Ia memiliki keistimewahan tersendiri, dan berupaya membezakan manusia dengan spesies-spesies lain. Keistimewaan manusia terserlah dengan adanya keunikan tersendiri yang jarang dilihat pada spesies-spesies lain, iaitu, keupayaan untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain (Bloomfield 1933). Bahasa bukan sesuatu benda hidup yang kekal, malahan, ia adalah sesuatu aktiviti yang dilakukan oleh manusia (Jespersen 1964). Bahasa sering berubah dan berevolusi. Keadaan ini membawa kepada pertambahan kosa kata di dalamnya apabila diperlukan. Ciri fleksikal ini membawa kepada proses pinjam dan meminjam berlaku diantara bahasa. Sungguhpun Bahasa Tamil sering dikatakan mempunyai sejarah klasik yang unik, ia turut berhadapan dengan keadaan sedemikian, peminjaman kosa kata daripada bahasa asing untuk terus bersaing dan kekal bersesuaian dengan kehendakan semasa.

Sejarah Bahasa Tamil (BT)

Terdapat beratus-ratus bahasa yang dituturkan oleh masyarakat di India. Bahasa-bahasa ini dapat diklasifikasi dalam empat keluarga bahasa. Antaranya ialah Indo Aryan, Dravida, Tibet-Burma dan Munda. Dalam beratus-ratus bahasa ini, bahasa Sanskrit dan bahasa Tamil mempunyai keistimewaan tersendiri, di mana kedua-dua bahasa ini disanjung sebagai bahasa klasik. Di antara kedua-dua bahasa ini, bahasa Sanskrit merupakan cabang bahasa kumpulan Indo Arya manakala bahasa Tamil merupakan bahasa keluarga Dravida (Kothandaraman.Pon 2001). Bahasa Tamil dan bahasa Sanskrit merupakan dua bahasa yang tertua di dunia seperti bahasa Greek, Latin dan Hebrew. (Agaththiyalingam.S 2002)

Para pengkaji mengemukakan pandangan yang berbeza mengenai kelahiran bahasa Tamil. Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa bahasa Tamil telahpun wujud semasa Zaman Harappa. Hal ini dapat dibuktikan oleh Clyde Winters dalam kajiannya. Beliau mengatakan bahawa Dravida n merupakan golongan proto-Saharan iaitu kaum nenek moyang kepada keluarga bahasa Dravida n. Tulisan golongan Proto-Saharan mempunyai ciri yang sama dengan tulisan yang pertama ditemui dalam tembikar yang kemudian berkembang kepada tulisan yang berpandukan kepada suku kata. Duit syiling yang ditemui di Iran membuktikan kenyataan tersebut. Batu seramik terawal yang ditemui di India selatan turut mengukuhkan pandangan dan kajian beliau. Simbol atau tanda yang ditemui mempunyai sifat serupa dengan tulisan tamadun Harappa (Winters 2012).

Bahasa Dravida masih dalam penggunaannya sehingga kini. Di India Selatan masyarakatnya mengikut tulisan Harappa yang dipanggil *Tamili*. Juga dikatakan bahawa bahasa Dravida merupakan bahasa terawal yang menjadi asas kepada bahasa Tamil moden dan *Vatteluthu*.(Subrahmanian 1982) Terdapat empat sub-bahasa kumpulan Dravida . Iaitu Bahasa Tamil, Malayalam, Kannada dan Telegu. Diantaranya, bahasa Tamil diiktiraf tarafnya sebagai salah satu bahasa tertua. Ia dianggap dituturkan oleh seramai 56 million penutur (census 1991) (Jstor- Tamil Literature-Parthasarathy). Bahasa Tamil dianggarkan mempunyai penutur di 40 buah negara. (Agaththiyalingam.S 2002).

Bahasa ini mempunyai ramai penutur di Tamil Nadu, India. Di luar negara India pula, di Sri Lanka, Malaysia, Singapura, Burma, Africa selatan, kepulauan Fiji dan di kepulauan Carabian (Jstor- Tamil Literature-Parthasarathy). Sekolah bahasa Tamil turut dibina oleh penutur bahasa Tamil di merata-rata tempat untuk mengekalkan kebudayaan masyarakat Tamil walaupun mereka berimigrasi ke negara lain (Agaththiyalingam.S 2002).

Sejarah perkembangan dan perluasan bahasa Tamil dapat dilihat dalam 4 peringkat. Iaitu, Pra-Aryan ataupun tempoh primitif, tempoh Aryan (200 A.D), Tamil tengah (200 A.D 1200 A.D) dan Tamil moden iaitu dari 1200 A.D hingga kini (Ilakkuvanar.S 1961). Buku yang terawal dalam bahasa Tamil merupakan buku nahu Tamil iaitu *Tholkappiyam*. Kandungan *Tholkappiyam* membuktikan bahawa terdapat dua jenis bahasa iaitu *Centamil* (Bahasa Lama) dan *Koduntamil* (bahasa dialek) yang kini digunakan di Tamil Nadu, Kerala dan di kebanyakan kawasan di India Selatan (Schiffman 1998).

Peminjaman Perkataan

Semua bahasa yang hidup memiliki keunikan tersendiri di mana, akan mengalami pertumbuhan dan perubahan. Apabila bahasa itu diperturunkan kepada satu generasi kepada generasi yang lain secara lisan ia mengalami perubahan dimana kehilangan perkataan dan kelahiran perkataan baharu dalam sesuatu bahasa. Dari segi sebutan, ia turut mengalami perubahan tanpa pengetahuan penutur bahasa itu sendiri. Di mana ada kelahiran, di isitu mesti ada pertumbuhan yang membawa kepada perubahan. Perubahan tanpa sekatan bakal membawa kepada kepelbagaian variasi bahasa. BT merupakan bahasa yang hidup dan ia tidak berkecuali dari ciri-ciri bahasa yang membawa kepada perubahan. (Ilakkuvanar.S 1961)

Bahasa Sanskrit

Buku puisi Sangam Tamil menunjukkan bukti pinjaman kata-kata Sanskrit dalam bahasanya. Pada zaman pertengahan, Sastera bahasa Tamil telah dipengaruhi oleh golongan Arya, Buddha dan Jain. (Schiffman) Kedatangan Aryan (Prakrit) dan dimana hubungan mereka dengan Tamil berkenalan di situ berlaku proses pinjam meminjam iaitu di Maharashtra dan Andhra Pradesh (Hart 1976). Dalam kamus *Vadasol Tamil agara varisai, Neelambigai yammaiyar* telah berusaha menyenaraikan sebanyak seribu kata pinjaman bahasa Sanskrit dalam Bahasa Tamil. Usaha beliau adalah ekoran daripada *Maraimadi adigalar* yang berusaha untuk mengekalkan ketulenan BT. Antaranya ialah, Athigam /Atikam/, Athiga:ri /Atikāri/, Aba:yam /Apāyam/, Kadchi /Kaṭci/, Uro:mam /Urōmam/, Ka:yam /Kāyam/, Samayam /Camayam/, Pasu /Pacu/ (NeelambigaiAmmaiyar.T 1988).

Semasa berlakunya pergaulan di antara orang Aryan dengan penutur BT, perkataan-perkataan seperti nama tuhan turut diadaptasikan dalam BT. Antara contoh adalah seperti [அமரர்], [இந்திரன்] dan [வருணன்]. Perkataan-perkataan ini dapat dilihat dalam buku nahu Tamil *Tholkappiyam*. Bahasa Tamil juga meminjam kata-kata pinjaman daripada bahasa Hindi, iaitu salah satu bahasa keluarga Indo-Aryan. Perkataan seperti Am [Ham], Ittanai [Itna], Uttanai [Utna], Uzhundu [Udath], Mama [maman], Mami [Mami] dan Muthu [Mothi]. Dengan adanya pinjaman perkataan daripada bahasa-bahasa ini, BT mengalami perubahan fonologi dan sintaksis akibat pengaruh zaman Vedic. Secara keseluruhannya, kata-kata pinjaman bahasa Sanskrit yang terdapat dalam BT adalah kebanyakannya terdiri daripada bidang keagamaan (Ilakkuvanar.S 1961). Menurut *Tholkappiyar*, kata pinjaman yang dipinjam masuk ke dalam BT, harus menuruti sistem nahu bahasa penerima iaitu BT. Begitu juga terdapat beberapa perkataan-perkataan pinjaman bahasa Sanskrit yang mengikuti dan diadaptasi mengikut sistem nahu BT. Antara perkataannya adalah seperti, /Āṇai/, / Viṇṇappam/, /Ñānam/, /Anupavam/, /Amāvācai/ (Vaaratharasan.M, 1969).

Apabila, penutur bahasa Sanskrit bergaul dengan masyarakat Tamil mereka turut meminjam perkataan -perkataan dari BT. Kajian Edwin H. Tuttle beliau menunjukkan bahawa perkataan [ghota] merupakan perkataan asal bahasa Dravida, di mana dalam bahasa Tamil ianya ditutur sebagai [kudirai]. Begitu juga dengan perkataan [ghazotas] merupakan kata pinjaman BT dalam Sanskrit. [ghazotas] merupakan perkataan yang mengalami asimilasi dari perkataan [kaluthai] (Tuttle 1919). Bukan itu sahaja, perkataan –perkataan seperti [Akka] ibu, [Atta] ibu/kakak [Ani] paku, [Amma] ibu, [Saya-say] petang dari BT dipinjam masuk ke dalam bahasa Sanskrit. Dalam glosari bahasa Sanskrit terdapat banyak perkataan-perkataan pinjaman dari BT (Ilakkuvanar.S 1961).

Pada abad 9 hingga 13, kata-kata pinjaman yang dipinjam telah diubahsuai mengikut kehendak fonologi bahasa penerima. Pada abad ke -11 hingga 16, kata pinjaman yang dipinjam dari Sanskrit terus diambil tanpa mengubah bentuk dan makna asalnya. Hanya beberapa perkataan sahaja yang diubahsuai mengikut keperluan fonologi BT. Tetapi pada zaman awal BT, hanya golongan yang bergaul dengan golongan yang berpendidikan bahasa Sanskrit menggunakan perkataan – perkataan bahasa Sanskrit dalam pertuturan harian mereka. Pada awalnya, perkataan-perkataan pinjaman ini, tidak digunakan dalam tulisan, kemudian mula menyusuri bidang penulisan selepas masa yang agak panjang apabila perkataan itu mula diubahsuai dalam bentuk pertuturan. Antara perkataan yang mengalami perubahan yang agak beza adalah seperti, [பூர்வ ஆஷாடம் – பூராடம்], [ஆஷாடம் – ஆசி], [அஸ்வினி- ஐப்பசி], [பூர்வபத்ரபத – புரட்டாசி]. (Vaaratharasan.M 1969)

Bahasa Tamil telah meminjam beberapa huruf daripada bahasa Sanskrit. Antaranya ialah seperti /sha/, /kshi/ dan /sa/. Masing – masing dalam perkataan yang berbunyi seperti [shams], [pakshi] dan [samarpanam]. Huruf /sa/ yang terdapat dalam BT tidak boleh digunakan dalam mengakhiri sesuatu perkataan, malahan ia perlu ditutur sebagai /cha/. Lagi satu ialah bunyi /ja/ [jam] (Mahroof, 1993).

Semasa zaman Pallavar, pemimpin-pemimpinnya memberi keutamaan kepada bahasa Sanskrit. Pada masa yang sama, banyak buku-buku agama ditulis dalam satu sistem yang baharu iaitu ‘*Manipravala nadai*’. Mengikut sistem ini berlaku gabungan diantara bahasa Tamil dengan bahasa – bahasa lain terutamanya *Vadamozhi*. Akibatnya banyak kata pinjaaman mula diadaptasi dalam BT. Antaranya adalah perkataan-perkataan seperti [அரசன்-ராஜன்], [அவை-சபை], [தண்டம்-தண்ட], [திரு-ய்], [படி-பிரதி], [மண்டில-மண்டல], [அரசவை-ராஜயசபை], [அரியணை-சிம்மாசனம்], [தேர்-ரதம்], [யானை-கஜம்] (Nagarasan.S 1999). Pengaruh bahasa asing semasa pendudukan zaman Pallava, memberi kesan sehingga kini, di mana Matra-Matra suci yang mengandungi bahasa Sanskrit dan unsur *Vadamozhi* masih sehingga kini digunakan dalam upacara keagamaan (Nagarasan.S 1999).

Bahasa Greek

Pengaruh bahasa Greek turut dapat dilihat dalam glosari BT. Perkataan Greek [ionian] telah berubah menjadi [yanavar]. Perkataan ini digunakan untuk merujuk manusia yang datang dari Roman, Arab dan dari arah barat. Prasasti raja Asoka membuktikan pergaulan dan persahabatan diantara raja-raja Tamil dengan golongan *yanavar*. Berasal dari proses pinjam dan peminjaman perkataan-perkataan seperti [அரிசி], [இஞ்சி], [நாவாய்] dan [கவி] diterimapakai dalam bahasa Hebrew. Di sebaliknya, perkataan Yanavar seperti [hora] juga dipinjam ke dalam Tamil. Bukti dapat dilihat dalam *Tholkappiyam* di mana perkataan [hora] bermaksud masa [hour] mengalami perubahan menjadi [ஓரை] (Ilakkuvanar.S 1961).

Bahasa Pali

Ketika pada BC300-BC 600 dikatakan dinasti Khalabhras menduduki Tamil Nadu. Mereka merupakan masyarakat Kannada yang memberi keutamaan kepada bahasa Pali yang merupakan

bahasa kumpulan Prakirutha. Antaranya adalah contoh kata pinjaman bahasa Pali ke dalam bahasa Tamil Samanar /Camaṇar/, Vika:ram /Vikāram/, Bodhi /Pōti/, Padasa:lai /Pāṭacālai/, Nirvanam /Nirvāṇam/, He:thu /Ētu/, Na:yagan /Nāyakan/ (Vengadasamy 2000).

Bahasa Urdu

Semasa pengaruh Islam di Tamil Nadu, beberapa perkataan daripada bahasa Urdu telah menyusuri dalam BT. Perkataan-perkataan seperti [cutchery], [vakeel], [zamin], [asal], [Tahsil], [munsif], [circular], [Rayadhvari], [Jilla], [taluu] merupakan sumbangan bahasa Urdu kepada BT. Terdapat 411 kosa kata bahasa Urdu dalam BT sehingga kini dalam pertuturan harian masyarakat Tamil. Perkataan-perkataan ini merupakan perkataan yang berkaitan dengan mahkamah, pendapatan dan rantau. (Ilakkuvanar.S 1961)

Bahasa Arab

Pada tahun 1526, bahasa Arab, Persia, Hindustani mula menyusuri dalam BT. Antara perkataannya adalah seperti, [அசல்], [அமுல்], [அமானத்து], [அயன்], [ஆப்காரி], [கஜானா], [தாக்கல்], [ரொக்கம்], [வசூல்], [வாரிசு], [வாய்தா], [ஜாமீன்], [கைதி], [ரத்து], [இலாக்கா], [ஜில்லா], [கடுதாசி], [கலாட்டா], [தமாஷ்], [கம்மி], [குமாஸ்தா], [வாபஸ்], [ரோந்து], [பஜார்], [பட்டுவாடா], [ஆஜர்], [ராஜிநாமா], [சிபாரிசு], [மாமூல்] dan [கிஸ்தி]. Walaupun, bagi kebanyakan perkataan yang tertera yang dipinjam mempunyai makna asal dalam BT, masih perkataan-perkataan pinjaman dapat dilihat dalam pertuturan harian masyarakat Tamil (Nagarasan.S 1999).

Kannada dan Marathi

Semasa pemerintahan raja-raja Vijayanagara beberapa perkataan pinjaman dari bahasa Sanskrit, Telegu, Kannada, Marathi memasuki dalam BT. Antaranya adalah [அப்பட்டம்], [ஆஸ்தி], [எக்கச்சக்கம்], [சொகுசு], [சோலி], [அக்கடா], [கிரயம்], [அசம்பாவிதம்], [ஊர்ஜிதம்], [கோஷ்டி], [சம்பிரதாயம்], [சன்மானம்], [பிரவேசம்], [ரணம்], [வாஸ்தவம்].(Nagarasan.S 1999).

Bahasa Portugis dan Belanda

Zaman pendudukan kuasa Eropah seperti Portugis dan Belanda turut menyumbang beberapa kosa kata kepada BT. Antaranya adalah seperti [alamari], [jannal], [ca:vi] (சாவி), [kra:mpu] dan [pathiri].(Ilakkuvanar.S 1961) Perkataan seperti [சாக்கு], [துட்டு], [கக்கூசு] dari bahasa Dutch dan dari bahasa Perancis seperti [கபே], [பீரோ], [லாந்தர்], [பாட்டில்]. Dari bahasa Portugis pula seperti [அல்மாரா], [ஆயா], [இரகீது], [கொறடா], [சங்கடம்], [சாவி], [சிப்பாய்], [சுதாரித்தல்], [துப்பாக்கி], [மேஸ்திரி], [வராந்தா], [சன்னல்], [ஜாடி]. Perkataan – perkataan seperti ini mula menyusuri dalam pertuturan harian penutur BT (Nagarasan.S 1999).

Bahasa Inggeris

Semasa zaman Kolonial British, sastera Tamil telah mula dipengaruhi oleh bahasa barat terutamanya Bahasa Inggeris. Terdapat lebih kurang 500 kata pinjaman BI dalam BT. Kata-kata pinjaman ini menyentuh bidang seperti pentadbiran, undang-undang, politik, sivik, pendidikan, sains dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini dituturkan oleh golongan berpendidikan mahupun golongan yang tidak berpendidikan. BI bukan sahaja memberi kosa kata sendirinya, malahan turut menyumbang perkataan-perkataan yang telah dipinjam daripada bahasa-bahasa lain (Ilakkuvanar.S 1961).

Diglosia

BT merupakan bahasa jenis diglosia. Di mana, mempunyai versi pertuturan dan penulisan yang berbeza. Pertuturan BT akan berbeza mengikut dialek dan tempat kumpulan penutur menetap. Tetapi, sistem penulisan tetap sama walaupun mereka tersebar di merata-rata tempat di dunia. Demikian, sistem dialek tidak akan menjejaskan sistem penulisan bahasa Tamil (Agaththiyalingam.S 2002).

Situasi sama boleh dilihat dengan Bahasa-bahasa lain yang mempunyai jenis diglosia seperti bahasa Italian dan Persian. Di mana penutur kedua-dua bahasa tersebut hanya menggunakan versi dialek apabila bertutur dengan pertemuan informal manakala formal pula menggunakan sistem variasi asal. Ferguson (1959) pula menyatakan bahawa bahasa variasi formal dianggap sebagai bahasa berprestasi tinggi dan bahasa dialek pula sebagai versi bertahap rendah. Variasi formal akan dipelajari mengikut sistem nahu manakala variasi informal pula dipelajari secara semulajadi. Dua variasi ini akan menyebabkan perbezaan nahu dan unsur fonologi yang berbeza dalam sesuatu bahasa (Ferguson 1959). Versi pertuturan lama-kelamaan membawa kepada peulisan.(Ilakkuvanar.S 1961).

Versi Dialek

Terdapat banyak variasi dialek dalam BT. Setiap satu berasal dari masyarakat yang berhijrah ke luar negara, Setelah menyesuaikan diri dengan masyarakat tempatan, BT ditutur di setiap buah negara telah mengalami perubahan dan sering dikenali dengan nama tersendiri. Variasi dialek BT tersebut sering menerima kosa kata baru untuk digunakan dalam proses penamaan peralatan atau unsur yang baharu dikenali. Peminjaman sering berlaku apabila penutur mula mengaplikan fleksibili dalam penuturan semasa bertembung dengan masyarakat penutur lain (Vaaratharasan.M 1969). BT moden mempunyai banyak versi dialek bahasa (Schiffman and Steever 2002).

Masyarakat di Tamil Nadu boleh dibahagikan mengikut tempat yang mereka didiami. Antaranya adalah, bahagian Utara, bahagian Tengah dan Selatan. Kesemua penduduk di situ menggunakan versi dan dialek bahasa yang berlainan antara satu sama lain. Mereka yang tinggal di bahagian utara Tamil nadu menggunakan perkataan (அண்ணாத்தை), kawasan tengah (அண்ணன்) dan bahagian selatan pula menggunakan perkataan (அண்ணாச்சி). Ketiga-ketiga perkataan ini membawa maksud yang sama iaitu [annan] iaitu abang dalam BM. Begitu juga untuk *nenek* [பாட்டி], [ஆத்தா] dan [ஆச்சி]. [கொம்புக் கடலை], [கொண்டைக் கடலை] dan [பச்சைக்கடலை] (Green Gram) masing-masing membuktikan bahawa terdapat dialek yang berlainan dalam satu masyarakat walaupun mereka menetap di satu negeri yang sama, di Tamil Nadu(Ilakkuvanar.S 1961).

Bahasa Arab-Tamil

Dielek ini merupakan bahasa Tamil ditulis dalam skrip bahasa Arab. Bahasa ini dipertuturkan oleh penganut muslim di Sri lanka dan di beberapa tempat di India selatan. Terma ini turut digunakan kepada bahasa Tamil yang ditulis dalam skrip tersendiri dengan menggunakan banyak kata pinjaman daripada bahasa Arab, Persia, Urdu dan Turki. Dengan gabungan dua bahasa yang berlainan demikian berlakunya proses adaptasi dari segi sistem fonologi. Contohnya, /q/ /t/ dan /d/ merupakan antara fonem yang baharu diadaptasi dalam BT dari BA. Penutur bahasa Arab-Tamil mengambil langkah dengan menyesuaikan fonem BA mengikut kehendak fonologi BT. Diftong /ai/ dan /aw/ yang tidak ada dalam BA ditulis seperti /aliph/ dan /waw/. /sa/ /nga/ /ta/ /pa/ /rra/ /nna/ dan /nja/ telah diadaptasi dengan modifikasi Arabic fonem./ta/-/d/ (Mahroof 1993).

Situasi bahasa Tamil di negara lain

BT merupakan salah satu Bahasa rasmi di Sri Lanka. Bahasa Tamil juga memainkan peranan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Tamil di Sri Lanka. Situasi di situ mempunyai persamaan rapi dengan BT di Malaysia, di mana BT merupakan salah satu bahasa yang digunakan oleh golongan minoriti penutur BT dan memainkan peranan sebagai bahasa pengantar di peringkat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil peringkat rendah.

Di Singapura, situasinya berbeza. BT dibawa masuk ke Singapura dari Tamil Nadu, India pada abad ke-18 dan kini dituturkan oleh sebanyak 3% daripada keseluruhan masyarakat Tamil Singapura. Mengikut statistik 2000, terdapat 38% orang India di Singapura menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa kedua. Di mana BT mendapat status bahasa rasmi bersama dengan ketiga-tiga bahasa yang lain iaitu bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina (Agaththiyalingam.S 2002). Formal hanya digunakan dalam aspek penulisan dan di sekolah. Informal digunakan dalam pertuturan harian dan belajar secara semulajadi (Saravanan, Lakshmi et al. 2007).

Menurut sensus 2001, 53.6% daripada 24,076 masyarakat Tamil di Australia menggunakan bahasa Tamil dalam pertuturan harian mereka. Pertubuhan-pertubuhan swasta mengambil pelbagai langkah untuk mengekalkan tradisi bahasa dalam kalangan masyarakat Tamil di Australia, khususnya dengan menawarkan kelas BT. Namun, bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi masih mendominasi Bahasa-bahasa minoriti lain seperti bahasa Tamil di Australia (Fernandez and Clyne 2007).

Pemulihan dan ketulenan bahasa

Sepertimana dinyatakan, BT jelas mengalami perubahan mengikut peredaran masa. Walaubagaimanapun, pada masa yang sama, kebanyakan negeri di India berada di bawah naungan bahasa Sanskrit dan Prakrit, masyarakat Tamil memiliki bahasa yang tersendiri iaitu bahasa Tamil dan bahasa Tamil memainkan peranan sebagai bahasa rasmi negeri. Penggunaan BI sebagai bahasa rasmi pada masa itu telah memberi impak yang mendalam dalam pertuturan harian BT sehingga penggunaan BI semakin luas menular dalam BT (Andronov 1975). Namun, wujud kebangkitan daripada Masyarakat Tamil yang mula memberi perhatian terhadap ketulenan bahasa yang selama ini dipengaruhi oleh bahasa Indo-Aryan dan kata-kata pinjaman lain (Schiffman). Gerakan Penulenan BT demi mempertahankan kemurnian BT telah mula diselenggara oleh para sarjana sastera dan Bahasa (Kailasapathy). Situasi ini menjelaskan betapa seriusnya isu penulenan elemen-elemen Bahasa asing di dalam BT.

Kesimpulan

Bahasa merupakan satu elemen yang penting dalam sesebuah masyarakat, dan ia sering menjadi tumpuan utama para pengkaji. Pertembungan budaya yang berlaku dalam sesuatu masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa, seperti Malaysia sering memberi laluan kepada proses pinjam dan meminjam kosa kata daripada bahasa lain. Pertembungan budaya ini menjadi punca utama berlakunya proses pinjam dan meminjam. Keperluan ini telah meletakkan hampir kesemua bahasa di dunia mengalami perubahan sedemikian. Bahasa Tamil juga tidak terlepas dari perubahan ini.

Bibliografi

Agaththiyalingam.S (2002). "Tamil Mozhi Amaippiyal."

- Andronov, M. S. (1975). "Problems of the National Language in Tamilnad." *Anthropos*
- Bloomfield, L. (1933). *Language*, New York : H. Holt and Company, 1963.
- Ferguson, C. A. (1959). "Diglossia."
- Fernandez, S. and M. Clyne (2007). "Tamil in Melbourne." *Journal of Multilingual and Multicultural Development*.
- Hart, G. L. (1976). *The Relation Between Tamil and Classical Sanskrit Literature*, Harrassowitz.
- Ilakkuvanar.S (1961). "Tamil Language."
- Inbanathan, A. (1988). "MIGRATION AND ADAPTATION: LOWER CASTE TAMILS IN A DELHI RESETTLEMENT COLONY." *Sociological Bulletin*.
- Jespersen, O. (1964). *Language : its nature, development and origin*, New York : W.W. Norton, 1964.
- Kothandaraman.Pon (2001). "Tamil studies Selected Papers."
- Mahroof, M. M. M. (1993). "ARABIC-TAMIL IN SOUTH INDIA AND SRI LANKA: LANGUAGE AS MIMICRY." *Islamic Studies*.
- Nagarasan.S (1999). "Adchi Tamil."
- NeelambigaiAmmaiyar.T (1988). "Vadasol Tamizh."
- Saravanan, V., et al. (2007). "Attitudes towards Literary Tamil and Standard Spoken Tamil in Singapore." *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*.
- Schiffman, H. and S. B. Steever (2002). "Response to Sanford B. Steever's Review of "A Reference Grammar of Spoken Tamil"." *Language*.
- Schiffman, H. F. "Tamil." & Schiffman, H. F. (1998). "Standardization or Restandardization: The Case for "Standard" Spoken Tamil." *Language in Society*.
- Shackle, C. and P. O. Skjærvo (2006). *South and Southeast Asia: Scripts A2 - Brown, Keith. Encyclopedia of Language & Linguistics (Second Edition)*. Oxford, Elsevier
- Subrahmanian, N. (1982). "The origin of the Tamil script." *Tamil Studies*.
- Tuttle, E. H. (1919). "Dravida n S." *The American Journal of Philology*
- Vaaratharasan.M (1969). "Mozhi Varalaru."
- Vengadasamy, M. S. (2000). "kalappiyar adchiyil thamilagam."
- Winters, C. (2012). "Dravida n is the language of the Indus writing." *Current Science* (00113891)